



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak
Kampus Mukah



3rd Issue

VOLUME 1

JUNE 2024

UiTM MUKAH BULLETIN

Inov Dengan UiTM Mukah?

HIGHLIGHTS:

- Program Bicara Ilmu "Keusahawanan Belia, Tunjang Masa Depan Koperasi, Pemangkin Ekonomi Negara" UiTM Mukah 2023
- MATH STEP-UP@UiTM Bantu Komuniti Pelajar & Guru Mendalami Ilmu Matematik
- Embracing Cultural Diversity: Virtual Inbound Outbound Mobility Programme Between Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sarawak Mukah Campus & Rajabhat University, Thailand
- Wacana Harmoni Perancangan Strategik Peringkat UiTM Kampus Mukah 2024
- Penjurian Inap Desa di Kampung Tellian, Mukah: Dari Kaca Mata Juri





TABLE OF CONTENT



01.

From Deputy Rector's Desk

02.

From Assistant Rector's Desk

03.

Chief Editor's Note

04.

Editorial Board

05.

Highlights

10.

News and Articles

26.


Creative Writing


29.

Congratulations!

31.

Press and Media Coverage





EDITORIAL

BOARD



Associate Professor Ts. ChM. Dr. Mohammad Isa Mohamadin

Patron

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi

Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**

Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph

Ms. Cindy Robert

Ms. Fakhira Jafri

Mr. Shileyiusken Mijen

Webmaster

Mrs. Irene Seluroh

Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat

Photographer

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 28 June 2024

NEWS AND ARTICLES

D'Bankers Family Day

Penulis: Azlan Yusof Punding, Persatuan D'Bankers UiTM Mukah



Pada 18 Mei 2024 yang lalu, persatuan D'Bankers UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah mengadakan program "Family Day" yang melibatkan semua pelajar dari Diploma Pengajian Perbankan. Seramai 78 orang pelajar yang telah menyertai program tersebut. Program ini berlangsung selama 9 jam bermula pada jam 7.30 pagi sehingga 4.30 petang bertempat di Gelanggang Bola Jaring dan Dewan Sri Balau, UiTM Mukah. Program ini dianjurkan oleh Persatuan D'Bankers dan turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran Penasihat Kelab D'Bankers, UiTM Mukah iaitu Encik Azlan Yusof Punding.

Pelbagai aktiviti yang menarik telah dianjurkan dalam program "Family Day" ini termasuklah permainan *pass the cup*, *rubber collection*, *fill the water*, tarik tali dan *explorace*. Tujuan utama pelaksanaan program ini adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim dan memupuk semangat kerjasama yang tinggi di antara para pelajar Diploma Perbankan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah. Selain itu, program ini mendedahkan peserta kepada pentingnya sikap bekerjasama dalam kumpulan kerana program ini mementingkan strategi yang mantap yang dirancang secara berkumpulan.

Secara tidak langsung, program ini memberi peluang kepada para pelajar Diploma Pengajian Perbankan untuk bersaing secara sihat antara satu sama lain. Melalui program ini, terdapat pelbagai pengajaran yang diperolehi oleh para pelajar. Antaranya ialah, dapat mempelajari ilmu pengurusan masa dengan sebaik mungkin serta dapat belajar kepentingan kerjasama dalam menayakan sesuatu pekerjaan. Akhir sekali, melalui penganjuran program ini juga, para pelajar dapat belajar bertoleransi antara satu sama lain terutamanya antara ahli kumpulan.

